

18/02/2005

Ng-Wanita

NG YEN YEN SEDIA DICABAR PADA PEMILIHAN PARTI

KUALA LUMPUR, 18 Feb (Bernama) -- Ketua Wanita MCA Datuk Dr Ng Yen Yen yang memutuskan untuk mempertahankan jawatannya pada pemilihan parti Ogos ini berkata beliau sedia dicabar.

Beliau berkata Wanita MCA kini lebih bersatu selepas pilihan raya umum tahun lepas dan sebarang pertandingan pada masa depan tidak akan merosakkan perpaduan dalam pergerakan terbabit.

"Hubungan dengan timbalan saya Datuk Dr Tan Yee Kew juga sangat baik sekarang. Selepas pilihan raya umum, Wanita MCA mendapat dua lagi jawatan kerajaan yang kini disandang Dr Tan dan Chew Mei Fun,

"Ini tidak dapat dicapai tanpa perpaduan wanita. Saya harap semua anggota wanita sentiasa mengingati bahawa perpaduan adalah kekuatan wanita," katanya kepada Bernama dalam temubual di Raub hari ini.

Dr Tan dilantik sebagai Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri manakala Chew sebagai Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Awal tahun ini, Dr Ng yang juga Timbalan Menteri Kewangan mengumumkan beliau akan mempertahankan jawatan nombor satu dalam pergerakan itu pada pemilihan parti yang dijadualkan pada 19 Ogos ini.

Beliau ketika itu ditanya sama ada akan mempertahankan jawatan ketua wanita selepas jawatankuasa pusat parti iaitu badan yang membuat keputusan mengenai parti, menetapkan jadual pemilihan parti.

Pemilihan jawatan tertinggi Pergerakan Wanita MCA akan dijalankan pada Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) pergerakan itu pada 19 Ogos, sehari sebelum AGM parti.

Pada pemilihan parti 1999, Dr Ng yang pertama kali bertanding jawatan ketua Wanita memenangi jawatan berkenaan setelah menewaskan Ketua wanita Selangor Datuk Paduka Dr Tan Yee Kew dengan majoriti 209 undi.

Tiga tahun kemudian, Dr Ng mengekalkan jawatan itu tanpa bertanding berikutan pelaksanaan pelan damai MCA, yang diusahakan oleh bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad.

Bagaimanapun pada pemilihan parti kali ini, ada spekulasi mengatakan Dr Tan akan bertanding jawatan itu sekali lagi.

Setakat ini Dr Tan, belum membuat sebarang pengumuman sama ada akan mempertahankan jawatannya selaku timbalan ketua pergerakan itu atau pun bertanding jawatan nombor satu.

-- BERNAMA

AT RAR LAT